

GARIS PANDUAN PROGRAM KHAS PEMANTAPAN BAKAT PENGURUSAN & PROFESIONAL (PENTADBIRAN) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1. PENGENALAN

- 1.1. Garis panduan ini dinamakan sebagai Program Khas Pemantapan Bakat Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dilaksanakan secara separuh masa dengan penajaan. Kertas kerja program ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-120 Bil. 5/2019 bertarikh 4 Disember 2019 bagi tujuan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Mesyuarat LPU Bil. 3/2019 bertarikh 7 September 2019 telah meluluskan pelaksanaan program ini.
- 1.2. Garis panduan ini disediakan selaras dengan keperluan pembangunan kompetensi staf bagi memastikan universiti sentiasa berdaya maju dan berdaya saing. Hal ini juga bagi menyokong halatuju Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyarankan agar universiti perlu mengambil inisiatif bagi menyediakan laluan kerjaya yang jelas dan menyediakan pelan pembangunan bakat yang sistematik bagi mengekalkan bakat yang terbaik.
- 1.3. Garis panduan ini juga disediakan bagi mencapai matlamat Pelan Strategik Universiti untuk memartabatkan kecermelangan bakat, peningkatan kompetensi dan keupayaan pengetahuan yang lebih luas diperingkat sarjana.

2. TUJUAN PROGRAM

- 2.1. Membangunkan kumpulan bakat yang kompeten dan berpengetahuan luas dalam memastikan urusan pentadbiran universiti berada pada tahap kecekapan yang tinggi.
- 2.2. Pemangkin bagi meningkatkan bilangan staf Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) yang memiliki kelulusan peringkat sarjana.
- 2.3. Meningkatkan kualiti dan standard pengurusan pentadbiran staf yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan pengalaman bagi menerajui kecemerlangan pentadbiran yang mampan.
- 2.4. Memberi serta membuka peluang luas kepada pegawai terlibat untuk meneroka, mempertingkatkan kemampuan sendiri dan tahap profesionalisme perkhidmatan.

3 SYARAT DAN KELAYAKAN PEGAWAI

- i. Terbuka kepada Pegawai Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)
- ii. Telah dilantik sebagai pegawai tetap;
- iii. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- iv. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di universiti;
- v. Mendapat Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 80% dan ke atas bagi tiga (3) tahun secara berturut-turut;
- vi. Baki tempoh perkhidmatan sehingga tarikh persaraan adalah tidak kurang daripada 6 tahun;
- vii. Bebas daripada pertuduhan tatatertib dan mahkamah;
- viii. Masa pengajian tidak mengganggu waktu bekerja dan tidak membelakangkan tanggungjawab sebagaimana Peraturan 4, peraturan – peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605);

- dan
- ix. Mendapat sokongan/perakuan daripada Ketua Jabatan

4 IKATAN PERJANJIAN

- I. Pegawai hendaklah menandatangani surat perjanjian Program Khas Pemantapan Bakat Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) sebagaimana syarat –syarat dan terma- terma yang telah ditetapkan dalam perjanjian program ini.
- II. Tempoh ikatan perjanjian dan jumlah gantirugi adalah sepertimana jadual di bawah:

Kategori	Tempoh Menjalani Program Khas	Tempoh Ikatan Perjanjian	Jumlah Gantirugi
Program Khas Pemantapan Bakat Pengurusan & Profesional	2 tahun hingga 3 tahun (Tempoh Asal)	3 Tahun	*Kos Sebenar

**Kos sebenar merangkumi yuran pengajian dan elaun program*

- III. Sekiranya pegawai tidak menandatangani atau menyempurnakan perjanjian ini dalam tempoh (1) bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan, maka pegawai dianggap tidak berminat untuk mengikuti program ini dan kelulusan program ini boleh ditarik balik.
- IV. Pelanjutan tempoh pengajian boleh dipertimbangkan tanpa penajaan sahaja.
- V. Penangguhan pengajian hanya boleh dilaksanakan dengan kebenaran universiti.
- VI. Sekiranya pegawai tidak menamatkan pengajian dengan jayanya (**termasuk pegawai berhenti daripada pengajian**), pegawai akan dikenakan tindakan pecah kontrak perjanjian dengan tuntutan kos atau nilai sebenar (Yuran Pengajian, Elaun Program) yang telah dibiayai oleh universiti.

5 KADAR DAN ELAUN

- 5.1 Semasa mengikuti latihan, pegawai adalah layak menerima elaun program dan kemudahan seperti berikut:
- a. Yuran Pengajian;
 - b. Elaun Sara Hidup sebanyak RM500.00 (sebulan); dan
 - c. Elaun Buku dan Tesis sebanyak RM1,500.00 (yang dibayar sekali sepanjang tempoh pengajian)

6 KEMUDAHAN

- 6.1 Bahawa, semasa menjalani tempoh kursus pengajian dan kursus-kursus berkaitan, dia adalah tertakluk kepada dan akan mematuhi undang-undang, arahan-arahan, peraturan-peraturan tatatertib sebagaimana yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa dalam universiti.
- 6.2 Tertakluk kepada kebenaran Ketua Jabatan, Pegawai juga layak mendapat kemudahan bagi pelepasan awal menghadiri waktu pengajian sekiranya pengajian tersebut diadakan dalam tempoh waktu bekerja tanpa memberi kesan terhadap cuti tahunan.
- 6.3 Pegawai layak memohon cuti untuk memasuki peperiksaan sepertimana yang sedang berkuatkuasa di UMP.

7 SAKIT TERUK & BERPANJANGAN

Pegawai dibenarkan untuk menangguhkan program ini sekiranya mendapat sakit teruk dan berpanjangan. Namun begitu, pembuktian berkenaan dengan penyakit yang dihadapi perlu disokong dengan perakuan daripada pegawai perubatan yang bertauliah.

8 LAPORAN DAN PENILAIAN

Pegawai dikehendaki menghantar laporan pengajian setiap semester pengajian kepada Jabatan Pendaftar berdasarkan format yang sedang berkuatkuasa di universiti.

9 GAGAL PENGAJIAN

Universiti boleh mengambil tindakan pecah kontrak yang sedang berkuatkuasa di universiti sekiranya pegawai gagal melaksanakan program sepertimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

10 HAK UNIVERSITI

- a. Walau apapun yang diperuntukan di dalam surat kelulusan, universiti ini berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat di dalam perjanjian pada bila-bila masa dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan tersebut.
- b. Walau apapun yang telah diperuntukan dalam surat kelulusan dan terma dan syarat di dalam perjanjian, pegawai juga tertakluk kepada peraturan serta peruntukan perundangan yang berkuatkuasa di universiti dari semasa ke semasa.

11. PENANGGUHAN

Pegawai boleh diberi penangguhan / berhenti pengajian dengan kelulusan Ketua Jabatan serta perlu mendapatkan kebenaran universiti.

12. KELULUSAN

Garis Panduan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 1/2020 pada 21 Februari 2020.